

AKHBAR : BERITA HARIAN
TARIKH / HARI : 27 FEBRUARI 2017 (ISNIN)

2 Perhebat kempen larangan merokok di taman awam

27/2/17
RAT

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan sudah melaksanakan kempen larangan merokok di 348 taman awam di seluruh negara sejak diwartakan sebagai kawasan larangan merokok pada awal bulan ini.

Sepanjang tempoh itu juga 47 notis amaran dikeluarkan kepada perokok di taman awam oleh penguat kuasa kesihatan.

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) Kementerian Kesihatan, Datuk Dr Lokman Hakim Sulaiman, berkata kempen itu akan dilaksanakan sehingga 31 Mei sebelum penguatkuasaan sepe-

nuhnya bermula pada 1 Jun depan.

Katanya, dalam tempoh empat bulan itu, pihaknya akan mengadakan kempen untuk menyedarkan orang ramai supaya tidak merokok di taman awam.

Edar risalah

"Sepanjang tempoh itu, perokok di taman awam akan diberi notis amaran sebagai langkah peringatn mengenai kempen kesedaran itu," katanya selepas menghadiri program penguatkuasaan pendidikan di Taman Botani Perdana sebagai tempat larangan merokok di sini, semalam.

Seramai 68 pegawai Kementerian Kesihatan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menjalankan kempen itu dengan mengedarkan risalah larangan merokok di taman awam kepada pengunjung.

Bermula 1 Februari lalu, taman awam diwartakan sebagai tempat larangan merokok mengikut Peraturan 11(w), Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) Pindaan Peraturan 2017.

Mengikut peraturan itu, sesiapa yang merokok di taman awam boleh didenda sehingga RM10,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun.